

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 30 September 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

JADUAL HAYAT RINGKAS, MALAYSIA, 2023-2025

Jangkaan Hayat Penduduk Malaysia Terus Meningkatkan pada Tahun 2025: Bayi yang Dilahirkan pada Tahun Ini Dijangka Hidup 75.3 Tahun, dengan Bayi Perempuan Hidup 4.8 Tahun Lebih Lama Berbanding Bayi Lelaki.

PUTRAJAYA, 30 SEPTEMBER 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan penerbitan **Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2023-2025** pada hari ini. Laporan ini mengandungi jadual hayat ringkas mengikut kumpulan umur, kumpulan etnik dan jantina di Malaysia dan negeri bagi tahun 2023-2025. Buat julung kalinya penerbitan ini membentangkan jadual hayat ringkas mengikut 156 daerah pentadbiran meliputi kumpulan umur dan jantina.

Dalam satu kenyataan hari ini, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Seorang bayi yang lahir pada 2025 secara purata dijangka hidup sehingga 75.3 tahun. Secara purata, seorang bayi perempuan dijangka boleh hidup sehingga 77.9 tahun, 4.8 tahun lebih lama berbanding bayi lelaki pada 73.1 tahun".

Jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi lelaki dan perempuan mengikut negeri bagi tempoh 2023 hingga 2025 dicatatkan di Selangor, manakala Terengganu mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah pada tempoh yang sama. Terdapat empat negeri yang mempunyai jangkaan hayat melebihi jangkaan hayat paras

nasional pada tahun 2025 iaitu Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan Sarawak.

Menurut Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, "Samarahan, Sarawak mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi pada tahun 2023 (79.8 tahun), 2024 (80.4 tahun) dan 2025 (80.9 tahun). Sementara itu, jangkaan hayat ketika lahir terendah dicatatkan di Kecil Lojing, Kelantan pada 2023 (63.6 tahun), Kuala Penyu, Sabah pada 2024 (66.5 tahun) dan Kanowit, Sarawak pada 2025 (66.5 tahun)". Secara keseluruhan, 30 daripada 156 daerah melepasi jangka hayat di peringkat nasional. Jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi lelaki adalah di Kinabatangan, Sabah (79.8 tahun) dan perempuan di Telupid, Sabah (82.8 tahun).

Bagi tempoh 2015 hingga 2019, jangkaan hayat ketika lahir meningkat 0.2 tahun. Jangkaan hayat lelaki kekal tidak berubah 72.5 tahun manakala jangkaan hayat ketika lahir perempuan meningkat 0.3 tahun. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2020 hingga 2022, jangkaan hayat ketika lahir menurun 0.9 tahun dengan jangkaan hayat ketika lahir bagi lelaki menurun 1.0 tahun manakala perempuan menurun 0.8 tahun. Bagi tahun 2023 hingga 2025, jangkaan hayat ketika lahir mencatatkan peningkatan sebanyak 1.3 tahun. Peningkatan jangkaan hayat ini disebabkan jumlah kematian yang menurun bagi tempoh 2023 hingga 2025 berbanding 2020 hingga 2022 yang mana berlakunya lebih kematian semasa pandemik COVID-19.

Seorang lelaki yang mencapai umur 15 dan 60 tahun pada 2025 masing-masing dijangka hidup selama 58.8 tahun dan 18.8 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki yang berumur 15 dan 60 tahun pada 2025 masing-masing dijangka hidup sehingga 73.8 tahun dan 78.8 tahun. Sebaliknya, wanita dalam kumpulan umur yang sama dijangka hidup selama 63.6 tahun dan 21.6 tahun lagi, iaitu dengan jangka hayat masing-masing 78.6 tahun dan 81.6 tahun.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia mengulas, "Etnik Cina terus mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi pada 2025 iaitu 77.3 tahun. Sebaliknya, jangkaan hayat ketika lahir terendah dicatatkan oleh etnik India, 71.8 tahun pada tahun yang sama. Di peringkat negeri, jangkaan hayat

ketika lahir bagi etnik Melayu dan Cina tertinggi di Selangor berbanding negeri lain pada tahun 2025”.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Malaysia, 2015-2025




Nota:

^p Permulaan

^e Anggaran

Carta 2: Jangkaan hayat ketika lahir mengikut negeri, Malaysia, 2023-2025



Nota:

^p Permulaan

^e Anggaran

Jadual 1: Lima daerah pentadbiran dengan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi mengikut jantina, Malaysia, 2023-2025

Tahun	Lelaki dan Perempuan		Lelaki		Perempuan	
	Daerah Pentadbiran	Jangkaan Hayat Ketika Lahir	Daerah Pentadbiran	Jangkaan Hayat Ketika Lahir	Daerah Pentadbiran	Jangkaan Hayat Ketika Lahir
2025 ^e	Samarahan, Sarawak	80.9	Kinabatangan, Sabah	79.8	Telupid, Sabah	82.8
	Kinabatangan, Sabah	80.2	Samarahan, Sarawak	79.7	Nabawan, Sabah	82.5
	Petaling, Selangor	80.1	Petaling, Selangor	78.3	Samarahan, Sarawak	82.2
	Telupid, Sabah	79.7	Sepang, Selangor	77.6	Petaling, Selangor	82.2
	Penampang, Sabah	79.2	Telupid, Sabah	77.4	Tebedu, Sarawak	81.8
2024 ^p	Samarahan, Sarawak	80.4	Samarahan, Sarawak	79.4	Petaling, Selangor	82.2
	Petaling, Selangor	80.0	Petaling, Selangor	78.1	Samarahan, Sarawak	81.4
	Kinabatangan, Sabah	79.0	Kinabatangan, Sabah	78.0	Telupid, Sabah	81.2
	Sepang, Selangor	78.8	Sepang, Selangor	76.9	Sepang, Selangor	80.9
	Ulu Langat, Selangor	77.8	Kalabakan, Sabah	75.8	Tongod, Sabah	80.4
2023	Samarahan, Sarawak	79.8	Samarahan, Sarawak	78.4	Samarahan, Sarawak	81.2
	Petaling, Selangor	78.7	Petaling, Selangor	76.8	Petaling, Selangor	80.8
	Kinabatangan, Sabah	77.4	Kinabatangan, Sabah	76.4	Sepang, Selangor	79.4
	Sepang, Selangor	77.4	Sepang, Selangor	75.8	Telupid, Sabah	79.2
	Kota Kinabalu, Sabah	76.9	Bintulu, Sarawak	75.0	Tongod, Sabah	79.2

Nota:

^p Permulaan

^e Anggaran

Jadual 2: Lima daerah pentadbiran dengan jangkaan hayat ketika lahir terendah mengikut jantina, Malaysia, 2023-2025


Tahun	Lelaki dan Perempuan		Lelaki		Perempuan	
	Daerah Pentadbiran	Jangkaan Hayat Ketika Lahir	Daerah Pentadbiran	Jangkaan Hayat Ketika Lahir	Daerah Pentadbiran	Jangkaan Hayat Ketika Lahir
2025 ^e	Kanowit, Sarawak	66.5	Kanowit, Sarawak	61.5	Kecil Lojing, Kelantan	69.3
	Selama, Perak	67.1	Selama, Perak	64.2	Beaufort, Sabah	69.4
	Tanjung Manis, Sarawak	67.3	Sabak Bernam, Selangor	65.1	Song, Sarawak	69.5
	Song, Sarawak	67.3	Song, Sarawak	65.2	Tanjung Manis, Sarawak	70.2
	Sabak Bernam, Selangor	67.7	Tanjung Manis, Sarawak	65.2	Selama, Perak	70.6
2024 ^p	Kuala Penyu, Sabah	66.5	Kanowit, Sarawak	62.6	Kecil Lojing, Kelantan	66.5
	Kecil Lojing, Kelantan	66.9	Kuala Penyu, Sabah	63.5	Beaufort, Sabah	69.7
	Song, Sarawak	67.0	Song, Sarawak	63.8	Kuala Penyu, Sabah	70.3
	Kanowit, Sarawak	67.7	Sabak Bernam, Selangor	65.3	Song, Sarawak	70.4
	Beaufort, Sabah	67.7	Selama, Perak	65.9	Pitas, Sabah	70.5
2023	Kecil Lojing, Kelantan	63.6	Kuala Penyu, Sabah	61.2	Kecil Lojing, Kelantan	65.0
	Kuala Penyu, Sabah	64.3	Kanowit, Sarawak	62.4	Kuala Penyu, Sabah	68.2
	Song, Sarawak	67.2	Kecil Lojing, Kelantan	62.4	Bukit Mabong, Sarawak	69.6
	Kanowit, Sarawak	67.3	Song, Sarawak	63.0	Beaufort, Sabah	69.9
	Beaufort, Sabah	67.4	Sabak Bernam, Selangor	65.3	Pitas, Sabah	70.0

Nota:

^p Permulaan

^e Anggaran

Carta 3: Perubahan jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Malaysia, 2015-2019, 2020-2022 dan 2023-2025




Nota:

2015-2019: Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010)

2020-2025: Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020)

Carta 4: Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Malaysia, 2015-2025




Nota:

^p Permulaan

^e Anggaran

Carta 5: Jangkaan hayat pada umur 60 tahun mengikut jantina, Malaysia, 2015-2025




Nota:

^p Permulaan

^e Anggaran

Paparan 1: Jangkaan hayat ketika lahir mengikut kumpulan etnik dan jantina, Malaysia, 2015 dan 2025



Nota:


¹ Termasuk Lain-lain (Warganegara) dan Bukan warganegara

^e Anggaran

2015

2025^e

Carta 6: Jangkaan hayat ketika lahir mengikut kumpulan etnik, negeri, Malaysia, 2023-2025



Nota:

^p Permulaan

^e Anggaran

Bagi tempoh 2023 hingga 2025, jangkaan hayat ketika lahir bagi etnik Bumiputera Lain di Negeri Perlis dan etnik Cina di W.P. Putrajaya tidak dapat dikira disebabkan kekurangan data. Manakala, jangkaan hayat ketika lahir bagi etnik India di W.P. Labuan pada tahun 2025 tidak dapat dikira disebabkan kekurangan data.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
30 SEPTEMBER 2025**